# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

## Rakyat kena kongsi data sebenar individu, isi rumah



SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA PADU

PENDAFTARAN boleh dibuat di https://www.padu.gov.my/

Untuk mendaftar, pengguna perlu memasukkan nombor Mykad serta poskod mengikut butiran pada MyKad, selain nombor telefon dan alamat e-mel.

Pengguna diminta menetapkan kata laluan untuk akaun tersebut.

**BERIKUT SENARAI BANTUAN 2024**

1. Bantuan awal persekolahan **RM150** setiap seorang **(Mac)**
2. Bantuan SARA untuk keperluan asas barang dapur **RM1,200 (RM100x12 bulan)**
3. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sehingga **RM2,500** diagih mengikut fasa
4. Bantuan Khas **RM2,000** buat penjawat awam manakala **RM1,000** buat pesara dan seluruh anggota pasukan beruniform **(Februari)**
5. Bantuan khas **RM700** (guru agama, imam, bilal, siak) dibayar Januari
6. Skim perubatan Madani **(RM250 keluarga) (RM25 Warga emas) (RM75 bujang)**
7. Yuran pendaftaran memasuki universiti awam tidak melebihi **RM1,500** (bagi pelajar yang tidak mampu membuat bayaran, mereka tidak akan disekat mendaftar subjek setiap semester)

# Rakyat kena kongsi data sebenar individu, isi rumah

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR

**PUTRAJAYA:** Kejayaan dan keberhasilan pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) adalah berdasarkan ketulenan data yang bakal diberikan rakyat.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, beliau menyeru semua rakyat supaya berkongsi data sebenar dalam online.

Beliau berkata, pihaknya akan tetap menggunakan data-data sedia ada daripada setiap agensi kerajaan tetapi pada masa sama, rakyat perlu menyemak dan mengemas kini data itu.

"Data-data itu membabitkan 39 data utama. Kita mahu perkhidmatan (PADU) kerajaan ini berpaksikan kepada senario semasa rakyat.

"Ini sebenarnya data rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat dalam pembentukan polisi kerajaan dan melancarkan bantuan kewangan dan sosial," katanya ketika sesi pembentangan PADU pada majlis pelancaran PADU di sini semalam.

Justeru, menurut beliau, setiap rakyat perlu menyemak dan mengisi maklumat sahih, tepat dan terkini.

Mohd Uzir berkata, antara 39 data dan maklumat yang perlu disemak termasuk maklumat asas, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan.

Menurutnya, 39 data itu boleh disemak secara dalam talian dan kaunter pendaftaran di 44 pejabat operasi Jabatan Perangkaan (DOSM), 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dan 27 Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara.

"Operasi pendaftaran dibuka tujuh hari seminggu bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang bermula hari ini hingga 31 Mac depan.

"Kami juga akan berada di lapangan termasuk luar bandar dan pedalaman bagi memastikan pendaftaran PADU ini lebih menyeluruh," katanya.

Katanya, sebagai contoh, setiap isi rumah dengan dua orang anak akan mengambil masa sekurang-kurangnya 25 minit bagi mengemas kini data yang diperlukan PADU.

MOHD Uzir Mahidin ketika membentangkan penerangan mengenai PADU pada Majlis Pelancaran Pengkalan Data Utama (PADU) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

# Rakyat tanpa slip gaji boleh dikesan

**PETALING JAYA:** Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) boleh mengesan kumpulan rakyat yang tiada slip gaji tetapi mempunyai pendapatan melalui perniagaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Politik Ekonomi Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) Sabah, Dr. Firdausi Suffian berkata, ini kerana orang ramai perlu mengemas kini 39 maklumat dalam sistem tersebut.

Justeru, menurut beliau, kerajaan dapat menggunakan maklumat yang perlu dikongsikan itu supaya mereka yang tidak mempunyai slip gaji dapat dibantu.

"Perincian maklumat diperlukan sama ada kerja atau pendapatan. Jadi, peniaga pun kena isytihar misalnya beritahu berapa dapat tiap-tiap bulan.

"Seperti yang diumumkan juga, PADU itu juga disepadukan dengan data daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), jadi tidak ada individu yang tercicir," katanya ketika dihubungi, semalam.

PADU bertujuan untuk menyediakan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan hampir masa sebenar bagi membolehkan analisis data lebih tepat dihasilkan.

Mengulas lanjut, Dr. Firdausi berkata, data PADU yang diintegrasikan daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan juga boleh memudahkan maklumat yang dikemukakan rakyat bagi mengenal pasti kesahihannya.

"Dengan integrasi data, jadi boleh semak silang kesemua data-data yang ada antara satu sama lain.

"Jadi kita perlu (kemukakan data) yang telus sama ada layak atau tidak. Sebelum ini sering penilaian kelayakan tidak telus, maka sekarang kita kena telus," katanya.